

05/02/2003

Hantar sokongan melalui SMS

KUALA LUMPUR: Pelanggan Celcom dan TMTouch kini boleh menggunakan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) bagi menyatakan sokongan mereka kepada Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia terhadap pentingnya menjamin keamanan sejagat.

Pelanggan boleh menghantar mesej dengan hanya menaip `Aman' atau `Peace' dan menghantarnya ke 71767 (019-Celcom) dan 200767 (013-TMTouch) atau pelanggan juga boleh menaip kenyataan sokongan seperti `Aman Katakan Tidak Pada Peperangan'.

Setiap mesej secara automatik akan dihantar kepada pelanggan dengan ucapan terima kasih terhadap sokongan mereka, selain itu mereka boleh melayari laman web Aman Malaysia di www.peacemalaysia.com.

Satu mesej pengesahan juga akan dimaklumkan kepada pelanggan untuk menyertai perhimpunan Aman Malaysia bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 5 petang hingga 12 tengah malam di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 23 Februari ini.

Setiap SMS yang dihantar akan dikenakan bayaran RM0.15 sen dan setiap mesej pengesahan pula akan dikenakan bayaran RM0.50 sen.

Koordinator Kumpulan Aman Malaysia, Zulkifli Alwi, berkata perkhidmatan SMS itu dilancarkan bagi memudahkan rakyat Malaysia menyatakan sokongan mereka betapa pentingnya menjamin keamanan sejagat.

Beliau yang ditemui selepas pelancaran perkhidmatan SMS itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam, berkata setakat ini lebih 300,000 tandatangan sudah berjaya diperolehi daripada orang ramai.

"Bagaimanapun, jumlahnya dijangka akan terus bertambah berdasarkan sambutan hangat daripada orang ramai terhadap kempen itu," katanya.

Sementara itu, orang ramai terus memberi sambutan menggalakan terhadap Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia bagi menyatakan sokongan mereka terhadap keamanan sejagat.

Tinjauan Berita Harian di tiga kaunter yang dibuka di Tasik Titiwangsa di sini semalam mendapati ia dikunjungi ribuan pengunjung dan mereka dengan sukarela menurunkan tandatangan masing-masing sebagai menyatakan sokongan terhadap pentingnya menjaga keamanan dunia.

Setiausaha Gerakan Belia 4B Bukit Bintang, Ismail Kasman, berkata daripada tiga kaunter Aman Malaysia yang dibuka sejak jam 8 pagi hingga 5 petang itu dijangka lebih 10,000 tanda tangan mampu dikumpul.

Sementara itu, Summa Sulaiman, 76, yang mengunjungi Tasik Titiwangsa bersama keluarganya turut mengambil kesempatan menurunkan tandatangan sebagai menunjukkan tanda sokongannya terhadap pendirian Malaysia mengenai keamanan sejagat.

Beliau yang berasal dari Muar, Johor, berkata, rakyat Malaysia sepatutnya berasa bersyukur kerana dapat hidup dalam keadaan aman dan sewajarnya tidak membiarkan keamanan yang dinikmati ketika ini musnah.